



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 05 / 2021

SPR TERIMA NOTIS KEKOSONGAN LUAR JANGKA KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) N.23 MELOR, KELANTAN

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham **YB Dr. Md Yusnan bin Yusof** atas kembalinya Allahyarham ke rahmatullah pada **30 April 2021 (Jumaat)**. Semoga keluarga Allahyarham tabah menghadapi kehilangan orang yang tersayang.
2. Sehubungan dengan itu, SPR telah menerima pemakluman rasmi daripada **YB Dato' Haji Abdullah Bin Yakub, Speaker Dewan Negeri Kelantan** pada **3 Mei 2021**, berhubung dengan kekosongan luar jangka kerusi **DUN N.23 Melor, Kelantan**. Selaras dengan **Perkara 46(5) Bahagian Pertama Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan** telah memperuntukkan yang kekosongan sesuatu kerusi

Dewan Negeri Kelantan perlu diisi dalam tempoh 60 hari dari tarikh kekosongan kerusi tersebut.

3. Walau bagaimanapun, memandangkan Proklamasi Darurat yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 11 Januari 2021 [P.U.(A) 7/2021] dan peruntukan Seksyen 13 Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 berkaitan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri yang sedang berkuat kuasa maka Pilihan Raya Kecil bagi DUN N.23 Melor, Kelantan ditangguhkan.

Sekian, terima kasih.

DATUK IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh: 4 Mei 2021 / 22 Ramadan 1442H